

https://doi.org/10.24035/ijit.23.2023.262			
Received:	02 Jan. 2023	Accepted:	5 Apr. 2023
Revised:	30 Feb. 2022	Published:	15 June 2023
Volume & Pages:	23 (June): 126-135		

Falsafah *Maqasid al-Quran* Imam al-Ghazali dan Faham Ilmu

al-Ghazali's Philosophy of Maqasid al-Quran and the Nature of Knowledge

SIDDIG AHMAD & WAN SUHAIMI WAN ABDULLAH¹

ABSTRACT

*One of the internal problems faced by Muslims today is confusion and mistakes in understanding the meaning, hierarchy, and scope of the limitations of knowledge. As a result, there is a collapse of manners, which refers to the loss of physical discipline, mind and soul that demands identification and recognition of the right place for a person in his relationship with himself and his society. Islam does not concede to the dichotomy of al-dunya and al-akhirah aspect. The worldview of Islam encompasses both al-dunya and al-akhirah in which the al-akhirah aspect has ultimate and final significance. The al-dunya aspect is seen as a preparation for the al-akhirah aspect. Everything in Islam is ultimately focused on the al-akhirah aspect without thereby implying any attitude of neglect or being unmindful of the al-dunya aspect. Knowledge that reveals the mysteries of Existence and reveals the true relationship between man and his God that is closely related to the main purpose of human creation is the main basis and foundation for other knowledge. This is because other knowledge itself, without the guidance of this main basic knowledge, will not be able to guide people correctly in their lives and will only confuse and ensnare people into an endless search. This article will cover the main basis of knowledge based on the understanding of knowledge derived from the philosophy of maqasid al-Qur'an presented by Imam al-Ghazali through his book *Jawahir al-Qur'an*.*

Keywords: *Maqasid al-Qur'an, Objectives of the Qur'an, The Nature of Knowledge, Worldly Benefits, Hereafter Benefits*

Imam al-Ghazali atau nama penuhnya Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin Ahmad al-Tusi, Abu Hamid, al-Ghazali, lahir di Tus, Khurasan pada tahun 450H/1058M (al-Subki t. th). Berdasarkan perjalanan kehidupan beliau dalam menjejaki kebenaran seperti yang dirakamkan dalam kitab *al-Munqiz min al-Dalal* (al-Ghazali 2015), beliau seringkali dilabelkan sebagai seorang ahli kalam yang kemudiannya bertukar menjadi seorang sufi setelah menerima petunjuk terhadap kekeliruan dalaman yang dilalui oleh beliau sebelum ini. Setelah beliau mengajar dan menulis dalam bidang *fiqh*, menguasai perbincangan dalam ilmu Kalam, menelusuri serta mengkritik sebahagian hujah daripada ahli falsafah, menolak pandangan golongan *batiniyyah*, akhirnya beliau menyedari bahawa semua bidang ilmu tersebut gagal memberikan kepuasan terhadap kebenaran yang cuba dicarinya. Ketika umurnya hampir mencapai usia 40 tahun, beliau telah mengasingkan dan mengabdikan dirinya dalam ibadah serta *khalwah*. Dalam tempoh

¹ **Siddig Ahmad**, Ph. D, Lecturer at the Research Centre for Theology and Philosophy, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, MALAYSIA. Email: ibadurrahman6818@gmail.com; **Wan Suhaimi Wan Abdullah**, Ph. D, Assoc. Professor at Raja Zarith Sofiah Centre for Advanced Studies on Islam, Science and Civilisation (RZS-CASIS), Universiti Teknologi Malaysia, 54100. Kuala Lumpur, MALAYSIA. Email: wansuhaimiwanabdullah@gmail.com

pengasingan tersebut, beliau telah menceburi diri dalam bidang tasawuf dan menemui “jawaban” kepada kekeliruan dalaman yang dihadapi. Jawaban terhadap kekeliruan tersebut dikemukakan dalam karya beliau yang terkemudian antaranya ialah kitab yang menjadi dasar perbahasan ini iaitu *Jawahir al-Quran*.

Kitab *Jawahir al-Quran* atau judul asalnya, *Jawahir al-Quran wa Duraruhu*, besar kemungkinan lengkap ditulis pada tahun 499H/ 1106M (Hourani 1984; Che Zarrina 1999). Kitab ini ditulis selepas karya terbesar beliau iaitu kitab *Ihya' 'Ulum al-Din* yang menggambarkan kematangan dalam kebangkitan ruhani beliau. Secara ringkasnya, kitab ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama mengandungi muqaddimah dan pengenalan (*al-muqaddimat wa al-sawabiq*) yang terdiri daripada 19 fasal. Bahagian pertama ini mengemukakan perbahasan pembahagian *maqasid al-Quran* kepada bahagian asas utama (*al-usul al-muhimmah*) dan bahagian pelengkap penyempurnaan (*al-tawabi' al-mutimmah*) serta hubungannya dengan percabangan ilmu, pendekatan *ta'wil* terhadap al-Quran melalui pendekatan simbolik (*al-rumuz wa al-isharat*) dan pendalilan keutamaan satu ayat al-Quran ke atas ayat al-Quran yang lain.

Bahagian kedua pula dibentangkan himpunan ayat al-Quran berkaitan matlamat (*al-maqasid*) yang terdiri daripada ayat al-Quran yang dirujuk sebagai intipati ayat al-Quran (*lubab ayat al-Quran*). Bahagian ini dibahagikan kepada dua jenis (*namatan*) iaitu pertama, bersifat ilmu (*'ilmi*) iaitu merujuk senarai ayat al-Quran berhubung pengenalan kepada Allah. Terdapat 766 ayat al-Quran yang dikategorikan oleh Imam al-Ghazali sebagai permata (*al-Jawahir*). Kedua, bersifat praktikal (*'amali*) iaitu merujuk himpunan ayat al-Quran berkaitan gesaan untuk istiqamah di atas jalan yang lurus. Terdapat 737 ayat al-Quran yang dikategorikan oleh Imam al-Ghazali sebagai mutiara (*al-durar*). Berdasarkan pengkategorian ayat al-Quran tersebut, dapat difahami bahawa kedua jenis ayat al-Quran ini adalah merujuk kepada bahagian asas utama *maqasid al-Quran*.

Bahagian ketiga pula merupakan lanjutan (*al-lawahiq*) kepada penjelasan matlamat daripada penyenaian ayat al-Quran di atas. Walaupun bahagian ini berhubung dengan kitab *Jawahir al-Qur'an*, namun beliau menjadikannya sebagai bahagian kitab yang berasingan yang dinamakan sebagai *al-Arba'in fi Usul al-Din* (al-Ghazali 2017). Bahagian ini mengandungi empat bahagian iaitu pengenalan (*al-ma'arif*), amal zahir (*al-a'mal al-zahirah*), akhlaq yang dicela (*al-akhlaq al-mazmumah*) dan akhlaq yang dipuji (*al-akhlaq al-mahmudah*) dan setiap bahagian tersebut mengandungi 10 usul. Secara umumnya, kitab ini merupakan ringkasan kepada kitab beliau iaitu *Ihya' 'Ulum al-Din*. Dalam kitab *al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul* (al-Ghazali 2014), Imam al-Ghazali menyebutkan bahawa kitab *Jawahir al-Quran*, *Kimiya' al-Sa'adah* dan *Ihya' 'Ulum al-Din* adalah kitab ilmu berhubung jalan menuju akhirat dan rahsia agama (*'Ilm Tariq al-Akhirah wa al-Ma'rifat Asrar al-Din al-Batinah*). Beliau mengkategorikan kitab tersebut sebagai ilmu jalan akhirat berdasarkan panjang perbahasannya dengan menyatakan bahawa *Ihya' 'Ulum al-Din* adalah berbentuk lanjutan (*basitah*), *Kimiya' al-Sa'adah* adalah pertengahan (*wasitah*), manakala *Jawahir al-Quran* iaitu merujuk kepada *al-Arba'in fi Usul al-Din* adalah ringkasan (*wajizah*).

Maqasid al-Quran al-Sittah

Dalam bahagian pertama kitab *Jawahir al-Quran*, Imam al-Ghazali menyatakan bahawa rahsia tertinggi, intipati yang termurni dan matlamat paling utama (*al-qasd al-aqsa*) al-Quran ialah menyeru hamba kepada Yang Maha Memaksa lagi Maha Tinggi (*da'wah al-'ibad ila al-Jabbar al-A'la*) iaitu Allah. Bagi mencapai matlamat tertinggi tersebut, keseluruhan surah dan ayat dalam al-Quran adalah berkisar (*inhasarat*) kepada enam jenis (al-Ghazali 2019) yang dirujuk dalam artikel ini sebagai *maqasid al-Quran al-sittah* iaitu matlamat al-Quran yang enam.

Secara ringkasnya, *Maqasid al-Quran al-sittah* ini terbahagi kepada dua bahagian: pertama, bahagian asas utama (*usul al-muhimmah*) dan kedua; bahagian pelengkap penyempurnaan (*al-tawabi' al-mutimmah*). Bahagian pertama mengandungi tiga pengenalan (*al-ma'arif*) iaitu: (i) pengenalan kepada Allah (*ta'rif al-mad'u ilayh*); (ii) pengenalan jalan yang lurus (*ta'rif siraT al-mustaqim*); dan (iii), pengenalan tempat kembali (*ta'rif al-hal'inda al-wusul ilayh*) iaitu hari Akhirat. Dalam pengenalan kepada Allah, terdapat perbahasan berkaitan pengenalan Zat (*ma'rifah al-dhat*), pengenalan Sifat (*ma'rifah al-sifat*) dan pengenalan Perbuatan Allah (*ma'rifah*

al-af'al), manakala dalam pengenalan jalan yang lurus, terdapat perbincangan berkaitan penyucian jiwa (*tazkiyyah al-nafs*) dan juga pengindahan hati (*tahliyyah al-qalb*). Pengenalan tempat kembali (*ta'rif al-hal 'inda al-wusul ilayh*) pula merujuk kepada keadaan seseorang kembali bertemu dengan Allah di Akhirat kelak sama ada bahagia atau pun sengsara.

Manakala bahagian kedua pula juga mengandungi tiga pengenalan (*al-ma'arif*) iaitu (i) pengenalan hal ehwal golongan yang dikasihi (*ta'rif ahwal al-muhibbin al-mad'uwwin*) dan golongan yang menyimpang (*ta'rif ahwal al-nakibin al-nakilin*) iaitu merujuk kepada kisah dalam al-Quran (*qasas al-Quran*); (ii) perihal perkataan golongan tidak mengiktiraf kebenaran (*hikayah aqwal al-jahidin*) khususnya penafian mereka terhadap keTuhanan (*al-Ilahiyyat*), kenabian (*al-nubuwwah*) dan kebangkitan (*al-ba'th*) yang menjadi asas perbincangan dalam ilmu Kalam dan juga Falsafah; dan (iii) pengenalan penshariatan dan hukum-hakam yang menjadi asas perbincangan kepada istilah keperluan asas yang lima (*al-daruriyyat al-khamsah*) iaitu menjaga nyawa, akal, agama, keturunan dan harta (al-Ghazali 2014) yang kemudian dirujuk oleh ilmuwan terkemudian sebagai *maqasid al-shari'ah*.

Falsafah Maqasid al-Quran

Apabila diperhalusi renungan berhubung *maqasid al-Quran* yang dikemukakan oleh Imam al-Ghazali, maka dapat difahami bahawa falsafah *maqasid al-Quran* beliau terletak kepada pembahagian *maqasid al-Quran* itu sendiri iaitu bahagian asas utama (*usul al-muhimmah*) dan bahagian pelengkap penyempurnaan (*al-tawabi' al-mutimmah*). Falsafah di sebalik pembahagian ini merupakan asas yang amat penting dalam memahami *maqasid al-Quran* yang dikemukakan oleh Imam al-Ghazali dan melalui kefahaman terhadap falsafah *maqasid al-Quran* tersebut, maka faham asas yang lain juga dapat difahami dan ditempatkan pada tempatnya yang benar.

Bahagian asas utama *maqasid al-Quran* hakikatnya adalah suatu pengenalan (*al-ma'arif*) berhubung diri 'aqali insan (*al-nafs al-natiqah*) (al-Attas 1978), yang perlu diketahui agar dia dapat mengenali dirinya, dan mengenali Penciptanya, dan kenal akan tempat kembalinya. Pengenalan ini terkandung dalam *Risalah* (al-Quran, 5: 67, 124; 7: 62, 68, 79, 93, 144; 33: 39; 72: 23, 28) yang ditanzilkan oleh Allah kepada para nabi dan Rasul yang tidak pernah berubah sejak pentanzilannya hingga ke hari ini. Intipati *Risalah* ini terkandung dalam wahyu, kitab dan suhuf yang diberikan kepada para Nabi dan Rasul. Antaranya firman Allah:

Katakanlah: Sesungguhnya aku ini manusia biasa seperti kamu, yang diwahyukan kepadaku: "Bahwa sesungguhnya Tuhan kamu itu adalah Tuhan yang Esa". Barangsiapa mengharapkan perjumpaan dengan Tuhannya, maka hendaklah ia melaksanakan amal soleh dan janganlah ia mempersekutukan seorangpun dalam beribadat kepada Tuhannya". (al-Kahfi, 18: 110)

Alif, laam raa. (Ini adalah) Kitab yang Kami turunkan kepadamu supaya kamu mengeluarkan manusia daripada kegelapan kepada cahaya dengan izin Tuhan mereka, (iaitu) menuju jalan Tuhan Yang Maha Perkasa lagi Maha Terpuji (Ibrahim, 14: 1)

Sesungguhnya beruntunglah orang yang membersihkan diri (dengan beriman), dan apabila dia ingat nama Tuhannya, lalu dia solat. Tetapi kamu (orang-orang kafir) memilih kehidupan duniawi. Sedang kehidupan akhirat adalah lebih baik dan lebih kekal. Sesungguhnya ini benar-benar terdapat dalam lembaran suhuf yang dahulu, (iaitu) lembaran suhuf Ibrahim dan Musa (al-A'la, 89: 14-19).

Intipati utama *Risalah* ini adalah keimanan kepada Allah, keimanan kepada hari akhirat dan jalan menuju Allah. Untuk memperolehinya bukanlah melalui akal tetapi melalui hati yang telah dibersihkan dan keimanan yang telah dimasukkan ke dalam hati (*al-qalb*) seseorang (al-Waqi'ah, 56: 79; al-Hujurat, 49: 14) yakni merujuk kepada diri 'aqali insan. Intipati *Risalah* tersebut bersifat tetap (*al-thawabit*) dan merupakan dasar utama kepada agama (*al-din*) yang dibawa oleh para Rasul yang kemudiannya disempurnakan oleh Allah kepada Nabi Muhammad. *Risalah* ini walaupun sifatnya umum kepada seluruh manusia termasuk juga jin, namun *pentahqiqannya* adalah bersifat perseorangan. *Risalah* inilah yang terkandung di dalam bahagian asas utama

maqasid al-Quran iaitu pengenalan kepada Allah, pengenalan jalan yang lurus dan pengenalan kepada hari Akhirat.

Bahagian pelengkap penyempurnaan *maqasid al-Quran* adalah berhubung pengenalan diri insan yang hidup (*al-nafs al-hayawaniyyah*) (al-Attas 1978), yang perlu dikendalikan dan dituntun untuk mengikut peraturan yang telah ditentukan oleh Allah agar kelangsungan jasad dan juga keturunannya dapat dijaga, akal yang dikurniakan dapat dipandu dengan benar dan perjalanan diri 'aqlinya menuju kepada Allah dapat disempurnakan. Pengenalan (*al-ma'arif*) ini terkandung dalam *al-sunan*, *al-minhaj* dan juga *al-shir'ah* yang diberikan kepada tiap-tiap umat mengikut tempat dan zaman pentanzilannya. Yang dimaksudkan dengan *al-sunan* ialah jalan teladan (*al-tariq wa al-mithal*) yang telah dilalui oleh orang-orang yang terdahulu sama ada *al-sunan* golongan yang membenarkan *Risalah* yang dibawa oleh para Rasul dan juga golongan yang mendustakannya. Maksud firman Allah:

Allah hendak menerangkan kepadamu, dan menunjukimu kepada jalan-jalan orang yang sebelum kamu (para nabi dan solehin) dan (hendak) menerima taubatmu. Dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana (al-Nisa, 4: 26).

Sesungguhnya telah berlalu sebelum kamu sunnah-sunnah; Karena itu berjalanlah kamu di muka bumi dan perhatikanlah bagaimana akibat orang-orang yang mendustakan (rasul)(Āli 'Imran, 3: 137).

Maka Allah menyuruh manusia agar memperhatikan jejak perjalanan (*al-sunan*) kedua golongan tersebut dan juga sebab-sebab yang menyebabkan mereka mendapat kebahagiaan (*al-sa'adah*) atau pun kesengsaraan (*al-shaqawah*). Berhubung *al-minhaj* dan juga *al-shir'ah*, firman Allah bermaksud:

Dan Kami telah turunkan kepadamu (wahai Muhammad) kitab (al-Quran) dengan membawa kebenaran, membenarkan apa yang sebelumnya, iaitu kitab-kitab (yang diturunkan sebelumnya) dan untuk memelihara serta mengawasinya; maka putuslah perkara mereka menurut apa yang Allah turunkan dan janganlah kamu mengikut hawa nafsu mereka dengan meninggalkan kebenaran yang telah datang kepadamu. Untuk tiap-tiap umat di antara kamu, Kami jadikan satu shari'at dan jalan agama (yang terang). Sekiranya Allah menghendaki, nescaya kamu dijadikan-Nya satu umat (sahaja), tetapi Allah hendak menguji kamu terhadap pemberian-Nya kepadamu, maka berlumba-lumbalah berbuat kebajikan. Hanya kepada Allah-lah kembali kamu semuanya, lalu diberitahukan-Nya kepadamu apa yang telah kamu perselisihkan itu (al-Maidah, 5: 48).

Dimaksudkan *al-minhaj* ialah kaedah dalam menjelaskan agama (*al-tariq al-bayyin al-wadih*) sama ada melalui hikmah (*hikmah*), nasihat yang baik (*maw'izah hasanah*) dan perdebatan (*al-mujadalah*) (al-Nahl, 16: 125) sama ada yang berbentuk pembuktian (*al-burhan*), pendalilan (*al-tadlil*) dan juga penghujahan (*al-muhajjah*). Manakala yang dimaksudkan *al-shir'ah* ialah pensyariatian dan hukum-hakam yang ditentukan bagi setiap umat bagi menjaga kelangsungan kehidupan dan keturunan setiap individu dalam masyarakat mengikut hukum yang telah ditetapkan oleh Allah. Ketiga-tiga unsur dalam pengenalan ini ditegakkan atas perkara yang boleh difahami oleh akal (*al-ma'qulat*) dan juga ditanggapi oleh pancaindera (*al-mahsusat*) berpaksikan asas utama agama yang bersifat tetap (*al-thawabit*) di atas. Pengenalan ini walaupun sifatnya *tanzil*, namun *pentahqiqannya* adalah bersifat secara bersama (*fard kifayah*) yakni setiap individu mempunyai tanggungjawab untuk merealisikannya mengikut kedudukan, kemampuan dan peranan masing-masing dalam suatu komuniti; dan juga bersifat anjal (*al-mutaghayyirat*), dalam erti kata boleh disesuaikan mengikut keadaan dan juga keperluan umat yang berubah.

Jalan teladan (*al-sunan*), kaedah penjelasan bagi agama (*al-minhaj*) dan pensyariatian serta hukum-hakam (*al-shir'ah*) ini terkandung dalam bahagian pelengkap penyempurnaan *maqasid al-Quran* iaitu pengenalan hal ehwal golongan yang dikasihi dan golongan yang

menyeleweng; perihal perkataan golongan yang tidak mengiktiraf kebenaran dan pengenalan penshari'atan serta hukum-hakam.

Berdasarkan penjelasan di atas, dapat difahami bahawa di sebalik pembahagian *maqasid al-Quran* yang dikemukakan oleh Imam al-Ghazali kepada bahagian asas utama dan bahagian pelengkap penyempurnaan, terdapat falsafah yang amat penting terkandung di dalamnya. Pertama, bahagian asas utama *maqasid al-Quran* adalah merujuk kepada ayat al-Quran berhubung tanggungjawab diri 'aqali yang perlu dipenuhi, sifatnya adalah tetap (*al-thawabit*) dan perlaksanaannya adalah secara persendirian (*fard 'ayn*). Kedua, bahagian pelengkap penyempurnaan adalah ayat al-Quran berhubung tanggungjawab diri haiwani yang juga perlu dipenuhi, sifatnya anjal (*al-mutaghayyirat*) dan perlaksanaannya adalah secara bersama (*fard kifayah*). Berikut adalah jadual ringkas falsafah di sebalik pembahagian *maqasid al-Quran*:

Jadual 1: Falsafah di Sebalik Pembahagian *Maqasid al-Quran*

Falsafah <i>Maqasid al-Qur'an</i>	
Bahagian Asas Utama	Bahagian Pelengkap Penyempurnaan
Berhubung diri 'aqali insan (<i>al-nafs al-natiqah</i>)	Berhubung diri haiwani insan (<i>al-nafs al-hayawaniyyah</i>)
Terkandung dalam <i>Risalah</i>	Terkandung dalam <i>al-sunan</i> , <i>al-minhaj</i> dan <i>al-shir'ah</i>
Bersifat tetap (<i>al-thawabit</i>)	Bersifat fleksibel (<i>al-mutaghayyirat</i>)
Pentahqiqannya adalah secara <i>fard 'ayn</i>	Pentahqiqannya adalah <i>fard kifayah</i>

Sumber: Analisis Penulis

Namun perlu ditekankan sekali lagi bahawa hakikatnya tiada pemisahan atau dikotomi dalam pandangan alam Islam. Diri insan haywani dan diri 'aqali hakikatnya merujuk hakikat ruh yang satu, sebagaimana aspek duniawi dan aspek ukhrawi akhirnya merujuk satu kehidupan ukhrawi yang kekal abadi. Maka setiap diri dan aspek kehidupan tersebut perlu dipenuhi serta diperlakukan dengan neraca keadilan yang diketahui oleh mereka yang mengetahui perimbangan (*al-muwazinah*) dan kesinambungan (*al-munasabah*) antara alam nyata (*'alam al-mulk*) dengan alam ghaib (*'alam al-malakut*); antara apa yang dinamakan sebagai kejadian (*al-kawn*) dengan apa yang dinamakan sebagai kewujudan (*al-wujud*) serta hakikat segala sesuatu (*haqiqah al-ashya'*).

Dengan mengenalpasti setiap perbahasan dalam al-Quran sama ada bersifat tetap (*al-thawabit*) atau bersifat anjal (*al-mutaghayyirat*); sama ada bersifat secara persendirian (*fard 'ayn*) atau secara bersama (*fard kifayah*); aspek ukhrawi dan juga duniawi, maka falsafah *maqasid al-Quran* ini pada hakikatnya adalah asas kepada kerangka pandangan alam Islam dan faham al-Quran secara menyeluruh (*kulliyat*), yang daripadanya dapat disingkap faham-faham asas yang lain seperti faham ilmu, faham insan, faham agama, faham kemaslahatan dan faham kebahagiaan.

Konsep Percabangan Ilmu (*Inshi'ab al-'Ulum*)

Dalam fasal pertama kitab *Jawahir al-Quran*, Imam al-Ghazali memulakan perbahasan dengan mengemukakan perumpamaan bahawa al-Quran adalah merupakan satu lautan yang amat luas dan dalam, di dalamnya terdapat pelbagai jenis permata dan khazanah alam yang berharga, dan tercabang (*yatasha'abu*) daripada muara laut lautan luas itu sungai dan juga laluan (al-Ghazali 2019). Berdasarkan perumpamaan tersebut, permata dan khazanah alam yang berharga tersebut merujuk kepada apa yang dinamakan oleh Imam al-Ghazali sebagai ilmu agama (*'ulum al-diniyyah*), manakala lautan yang luas serta cabangan sungai yang terbentuk daripadanya merujuk kepada pelbagai bidang ilmu yang dinamakan sebagai ilmu awal (*'ilm al-awwalin*) dan ilmu terkemudian (*'ilm al-akhirin*); atau juga dinamakan sebagai ilmu akal (*'aqliyyah*) (al-Ghazali 2014; Osman Bakar 2006). Beliau menggunakan istilah percabangan ilmu (*inshi'ab al-'ulum*) bagi menjelaskan bahawa seluruh ilmu sama ada yang dinamakan ilmu agama (*'ulum al-diniyyah*), mahupun ilmu awal (*'ilm al-awwalin*) dan ilmu terkemudian (*'ilm al-akhirin*) adalah datang

daripada sumber yang satu iaitu al-Quran. Berhubung ilmu awal (*'ilm al-awwalin*) dan ilmu terkemudian (*'ilm al-akhirin*), beliau menjelaskan bahawa dasar (*awa'il*) ilmu tersebut tidak terkeluar daripada al-Quran, bahkan ia adalah satu ceduk (*mughtarafatun*) daripada lautan Perbuatan Allah. Walaupun semua ilmu tersebut lahir daripada sumber yang satu, namun setiap cabang ilmu tersebut mempunyai jenis dan kedudukannya masing-masing yang dinamakan oleh Imam al-Ghazali sebagai ilmu tujuan (*'ilm al-maqsid*), ilmu kaedah (*'ilm tariq al-suluk*), ilmu pembaikan dan pertahanan (*'ilm al-islah wa al-daf*) dan juga ilmu alat (*'ilm al-alat*).

Berdasarkan konsep percabangan ilmu (*inshi'ab al-'ulum*) dan jenis ilmu tersebut, penulis akan mengemukakan analisis hubungan antara ilmu yang lahir daripada bahagian asas utama *maqasid al-Quran* iaitu ilmu tujuan (*'ilm al-maqsid*) dan ilmu kaedah (*'ilm tariq al-suluk*), dengan ilmu yang lahir daripada bahagian pelengkap penyempurnaan iaitu ilmu pembaikan dan pertahanan (*'ilm al-islah wa al-daf*) dan juga ilmu alat (*'ilm al-alat*) berdasarkan kitab *Jawahir al-Quran*. Hasil analisis tersebut dihubungkan dengan pengkategorian ilmu yang dikemukakan oleh Imam al-Ghazali dalam kitab *Ihya' 'Ulum al-Din* yang dinamakan sebagai ilmu *fard 'ayn* dan berhubung kemaslahatan akhirat, dengan ilmu yang dinamakan sebagai ilmu *fard kifayah* dan berhubung dengan kemaslahatan dunia.

Ilmu yang Lahir daripada Bahagian *Maqasid al-Quran*

Dalam kitab *Jawahir al-Quran*, Imam al-Ghazali menjelaskan bahawa ilmu tujuan (*'ilm al-maqsid*) adalah merujuk kepada ilmu pengenalan Allah dan pengenalan hari Akhirat, manakala ilmu kaedah (*'ilm tariq al-suluk*) pula merujuk pengenalan jalan yang lurus iaitu kaedah penyucian jiwa dengan menyingkirkan sifat yang membinasakan (*al-muhlikat*) serta menghiasinya dengan sifat yang menyelamatkan (*al-munjiyat*). Antara kedua jenis ilmu ini, maka ilmu yang tertinggi dan paling mulia ialah ilmu pengenalan Allah kerana seluruh ilmu adalah dikehendaki dan semata-mata untuknya, sedangkan pengenalan ini tidak berkehendak selain daripadanya. Manakala ilmu kaedah (*'ilm tariq al-suluk*) adalah untuk mengangkat hijab daripada hijab-hijab pengenalannya yang bertingkat-tingkat bermula daripada Perbuatan-Nya kepada Sifat-Nya, kemudian daripada Sifat-Nya kepada Zat-Nya.

Adapun ilmu berhubung zat Allah, maka kebanyakan kefahaman tidak mampu untuk menanggungnya dan disebabkan itu, diseru kepada manusia untuk berfikir terhadap makhluk ciptaan-Nya dan dilarang berfikir terhadap zat-Nya. Berhubung dengan tingkatan tersebut pula, maka ia dapat difahami melalui peningkatan renungan hati dalam munajat Rasulullah kepada Allah bermula dengan permohonan "kemaafan Allah daripada siksaan-Nya" (*a'uzu bi 'afwika min 'iqabik*) iaitu merujuk kepada renungan Perbuatan-Nya, permohonan "keredhaan Allah daripada kemurkaan-Nya" (*a'uzu bi ridaka min sakhatik*) iaitu merujuk kepada renungan sifat-Nya dan permohonan "dengan zat-Nya daripada-Nya" (*a'uzu bika minka*) iaitu merujuk kepada renungan zat-Nya; dan tidak berhenti munajat renungan tersebut sehingga akhirnya timbul pengakuan akan kelemahannya (*i'tiraf bi al-'ajz*) bahawa tiada yang dapat memuji Alla sebagaimana Allah sendiri memuji akan Diri-Nya sendiri. Kemudian yang mengikutinya daripada kemuliaan ialah ilmu pengenalan hari Akhirat. Ilmu ini hakikatnya adalah suatu pengenalan kedudukan seorang hamba di sisi Allah berdasarkan sejauhmana capaian makrifah atau pun hijab kejahilan seseorang terhadap-Nya. Demikianlah secara ringkas penjelasan berhubung ilmu tujuan (*'ilm al-maqsid*) dan ilmu kaedah (*'ilm tariq al-suluk*) yang lahir daripada bahagian asas utama *maqasid al-Quran*.

Adapun ilmu yang dinamakan ilmu pembaikan dan pertahanan (*'ilm al-islah wa al-daf*) adalah merujuk kepada pengenalan hal ehwal golongan yang dikasihi dan golongan yang menyimpang; perihal perkataan golongan yang tidak mengiktiraf kebenaran dan pengenalan penshari'atan serta hukum-hakam. Jika dibincangkan secara khusus pula, ilmu pembaikan (*'ilm al-islah*) terdiri daripada ilmu kisah dalam al-Quran yang mengandungi galakan (*al-tarhib*) dan celaan (*al-tarhib*). Kedua bentuk iktibar tersebut mendorong kepada pembaikan (*al-islah*) sama ada secara perseorangan mahupun secara bersama yang disebut dalam al-Quran sebagai golongan *ulu al-albab* (Yusuf, 12: 111, Sad, 28: 43, al-Talaq, 65: 10), *ulu al-absar* (Ali 'Imran, 3: 17), *ulu al-nuha* (Taha, 20: 128) dan *zi hijr* (al-Fajr, 89: 5). Termasuk dalam ilmu pembaikan ini ialah ilmu pengenalan penshari'atan dan hukum-hakam dalam membantu pengejalan dan

pemeliharaan jiwa (*al-nafs*), keturunan (*al-nasl*), harta (*al-mal*), akal (*al-'aql*) dan juga agama (*al-din*) yang terkandung dalam bahagian mu'amalat (*al-mu'amalat min al-fiqh*), pernikahan (*al-nikah*) dan juga jenayah (*al-jinayat*). Yang dinamakan ilmu pertahanan (*'ilm al-daf'*) pula merujuk kepada ilmu kalam iaitu ilmu yang digunakan untuk menolak kesesatan dan bidaah serta menghilangkan keraguan (*al-shubuhat*). Tujuan ilmu ini adalah sebagai menjaga akidah golongan awam daripada ancaman golongan yang melakukan bidaah (*al-mubtadi'ah*). Termasuk dalam ilmu ini ialah ilmu falsafah Islam. Namun ilmu ini menurut Imam al-Ghazali (2019), tidak terdedah kepada penyingkapan hakikat sesuatu.

Selain itu, terdapat satu kategori ilmu yang dinamakan oleh Imam al-Ghazali sebagai ilmu alat yang berkaitan dengan ilmu al-Quran (*'ulum al-Quran*) seperti ilmu berkaitan bahasa al-Quran, ilmu qiraat dan ilmu tafsir. Termasuk dalam kategori ini ialah ilmu hadis. Ilmu ini berperanan dalam membantu merungkai makna zahir al-Quran dan sebagai himpunan ilmu muqaddimah kepada jenis ilmu yang dibincangkan sebelum ini. Selain jenis ilmu yang dinamakan sebagai ilmu agama (*'ulum al-diniyyah*) di atas, terdapat juga ilmu yang dinamakan sebagai ilmu golongan terawal dan golongan terkemudian (*'ulum al-awwalin wa al-akhirin*) yang merangkumi pelbagai disiplin ilmu seperti perubatan, anatomi, matematik, astronomi, zoologi, botani dan lain-lain. Kategori ilmu ini berperanan dalam memahami sifat tabi'i alam yang boleh digunakan bagi memenuhi kemaslahatan kehidupan manusia di dunia sebagaimana peranan ilmu pembaikan (*'ilm al-islah*) khususnya berkaitan bidang makanan, komunikasi, perubatan dan pembuatan. Selain itu, ilmu jenis ini juga boleh menjadi ilmu muqaddimah kepada penyingkapan makna zahir perbuatan Allah di alam semesta ini (al-Attas 1995).

Kemaslahatan Akhirat dan Hubungannya dengan Ilmu *Fard 'Ayn*

Dalam kitab *Ihya' 'Ulum al-Din*, Imam al-Ghazali membahagikan ilmu berhubung akhirat (*'Ilm Tariq al-akhirah*) kepada dua iaitu ilmu *al-mu'amalah* dan ilmu *al-mukasyafah* (al-Ghazali 2011; Wan Suhaimi 2019). Ilmu *mu'amalah* dibahagikan kepada dua jenis iaitu ilmu zahir sama ada berbentuk ibadat atau kebiasaan (*'adat*) dan ilmu berhubung amalan hati sama ada yang dipuji (*mahmud*) mahupun dicela (*mazmum*). Ilmu zahir meliputi tiga perkara iaitu pegangan (*i'tiqad*), suruhan (*fi'l*) dan larangan (*tark*). Kewajiban ketiga-tiga perkara tersebut adalah bersifat fardhu ain dan bergantung kepada peringkat perkembangan seseorang dan keadaan yang menuntut dia untuk memperbaharui ilmu berhubung kewajiban tersebut. Sebagai contoh, ilmu berhubung kalimah shahadah iaitu penyaksian bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah dan Nabi Muhammad sebagai Rasul adalah memadai jika tiada sebarang keraguan yang timbul. Namun jika seseorang berhadapan dengan golongan yang melakukan bidaah (*al-mubtadi'ah*) dan timbul keraguan dalam dirinya, maka ketika itu adalah menjadi kewajiban dirinya untuk menghilangkan keraguan tersebut dengan mempelajari ilmu pertahanan (*'ilm al-daf'*) seperti ilmu kalam. Begitu juga amalan zahir yang lain seperti solat, puasa, zakat dan haji, selain daripada kewajiban mempelajari ilmu berkaitan kaedah melaksanakan ibadat tersebut, maka adalah suatu kewajiban fardhu ain juga bagi seseorang untuk mempelajari ilmu berkaitan hal ehwal hati yang membinasakan (*al-muhlikat*) seperti sombong, bangga diri, dan riya' dengan mengetahui takrifan, punca, tanda dan cara mengubatnya. Begitu juga kewajibannya untuk mempelajari ilmu berkaitan hal ehwal hati yang menyelamatkan (*al-munjiyat*) seperti ikhlas, sabar, reda, tawakkal dan mengingati mati.

Ilmu *al-mukashafah*, ia adalah ilmu batin (*'ilm al-batin*) dan merupakan tujuan ilmu (*ghayah al-'ulum*). Ilmu ini adalah ilmu para *siddiqin* dan *muqarrabin* yang telah menempuhi jalan yang lurus dan ilmu ini adalah berbeza berdasarkan *maqamat* masing-masing. Secara ringkasnya, ilmu berkaitan kemaslahatan akhirat ini adalah ilmu berhubung hal ehwal hati dan kaedah melaksanakan ibadah serta amalan kebaikan berdasarkan tuntutan Illahi agar amalan tersebut diterima oleh Allah. Ilmu ini menjadi kewajiban secara perseorangan (fardhu ain) kerana setiap individu akan dipertanggungjawabkan ke atas diri masing-masing dan tidak akan dibebankan dengan bebanan orang lain di akhirat kelak. Kemuncak perjalanan seseorang di akhirat kelak adalah pertemuan dengan Allah dan melihat wajah-Nya (*ru'yah Allah*), dan ini bergantung kepada

ilmu *al-mukashafah* yang dikurniakan kepada setiap individu yang telah menempuhi jalan lurus (*sirat al-mustaqim*) semasa hidup di dunia.

Kemaslahatan Dunia dan Hubungannya dengan Ilmu *Fard Kifayah*

Dalam kitab *Ihya' Ulum al-Din*, Imam al-Ghazali mengemukakan ilmu yang dinamakan sebagai ilmu fardhu kifayah kepada dua bahagian iaitu ilmu *shar'iyah* dan ilmu *ghayr shar'iyah*. Ilmu *shar'iyah* ialah ilmu yang ditegakkan sumber pengambilannya daripada al-Quran, sunnah, ijma' dan *athar al-sahabah* serta makna yang dapat difahami oleh akal berdasarkan sumber ambilan tersebut. Dalam ilmu *shar'iyah* terdapat kategori ilmu yang dinamakan sebagai permulaan (*muqaddimat*) dan pelengkap (*mutammimat*). Permulaan (*al-muqaddimat*) adalah merujuk kepada ilmu alat seperti ilmu bahasa dan ilmu nahu. Manakala pelengkap (*al-mutammimat*) pula merujuk kepada ilmu seperti ilmu al-Quran (*'ulum al-Qur'an*), ilmu *usul al-fiqh* dan ilmu hadith (*'ulum al-hadith*). Antara ilmu yang lahir daripada ilmu *shar'iyah* ialah ilmu *fiqh* dan ilmu kalam.

Ilmu *ghayr shar'iyah* pula ada yang dipuji (*mahmud*), dicela (*mazmum*) dan harus (*mubah*). Ilmu *ghayr shar'iyah* yang dipuji ialah ilmu berhubung dengan kemaslahatan dunia seperti ilmu perubatan dan matematik. Ilmu ini bersifat *fard kifayah* kerana ia diperlukan dalam menegakkan urusan dunia. Contohnya ilmu perubatan diperlukan untuk kelangsungan kehidupan jasmani manusia, manakala ilmu matematik diperlukan dalam urusan jual beli, wasiat, perwarisan dan sebagainya. Ilmu ini jika dipelajari oleh seorang atau beberapa orang mengikut keperluan dalam suatu komuniti sudah mencukupi, maka gugurlah kefarduan ke atas yang lain. Begitu juga ilmu berhubung keperluan asas kehidupan seperti pertanian, penternakan, pembuatan pakaian dan termasuk pentadbiran politik (*al-siyasah*) juga termasuk sebagai ilmu fardhu kifayah. Manakala ilmu *ghayr shar'iyah* yang dicela antaranya ilmu sihir dan mantera, dan yang dibolehkan pula (*al-mubah*) seperti ilmu syair dan sejarah (*tawarikh al-akhbar*).

Analisis Perbandingan

Berdasarkan jenis ilmu yang lahir daripada bahagian *maqasid al-Quran* dalam kitab *Jawahir al-Quran* dengan pengkategorian ilmu dalam kitab *Ihya' Ulum al-Din*, terdapat pertalian yang selari di antara keduanya. Jenis ilmu yang lahir daripada bahagian asas utama *maqasid al-Quran* iaitu ilmu tujuan (*'ilm al-maqasid*) dan ilmu kaedah (*'ilm tariq al-suluk*) dapat dihubungkan dengan ilmu yang bersifat kemaslahatan akhirat dan kewajibannya adalah secara *fard 'ayn*. Ilmu tujuan (*'ilm al-maqasid*) boleh dirujuk sebagai ilmu *mukashafah*, manakala ilmu kaedah (*'ilm tariq al-suluk*) boleh dirujuk sebagai ilmu *mu'amalah*. Dalam erti kata yang lain, ilmu yang lahir daripada bahagian asas utama *maqasid al-Quran* adalah ilmu yang bersifat kemaslahatan akhirat dan kewajibannya adalah secara fardhu ain.

Ilmu yang lahir daripada bahagian pelengkap penyempurnaan *maqasid al-Quran* dapat dihubungkan dengan ilmu yang bersifat kemaslahatan dunia dan kewajibannya pula adalah secara fardhu kifayah. Ilmu pembaikan dan pertahanan (*'ilm al-islah wa al-daf'*) boleh dirujuk sebagai ilmu *shar'iyah*, manakala ilmu yang dinamakan sebagai ilmu terawal dan ilmu terkemudian (*'ilm al-awwalin wa al-akhirin*) boleh dirujuk sebagai ilmu *ghayr shar'iyah*. Dalam erti kata lain, ilmu yang lahir daripada bahagian pelengkap penyempurnaan *maqasid al-Quran* adalah bersifat kemaslahatan dunia dan kewajibannya adalah secara fardhu kifayah. Ilmu alat yang dikemukakan dalam kitab *Jawahir al-Quran* boleh dirujuk sebagai ilmu permulaan (*muqaddimat*) dan juga ilmu pelengkap (*mutammimat*) sebagaimana yang dikemukakan dalam kitab *Ihya' Ulum al-Din*. Berikut dikemukakan jadual berhubung jenis ilmu, jenis kefarduan dan jenis kemaslahatan berdasarkan kedua kitab tersebut:

Jadual 2: Analisa Perbandingan Jenis Ilmu, Jenis Kefarduan dan Jenis Kemaslahatan.

Kitab <i>Jawahir al-Quran</i>		Kitab <i>Ihya' 'Ulum al-Din</i>		
Bahagian <i>Maqasid al-Quran</i>	Jenis Ilmu	Nama Ilmu	Jenis Kefarduan	Jenis Kemaslahatan
Bahagian Asas Utama (<i>Usul al-Muhimmah</i>)	Ilmu Tujuan (<i>Ilm al-Maqsid</i>)	Ilmu <i>al-Mukashafah</i>	<i>Fard 'Ayn</i>	Kemaslahatan Akhirat
	Ilmu Kaedah (<i>'ilm Tariq al-suluk</i>)	Ilmu <i>al-Mu'amalah</i>		
Bahagian Pelengkap Penyempurnaan (<i>al-Tawabi' al-Mutimmah</i>)	Ilmu Pembaikan dan Pertahanan (<i>Ilm al-Islah wa al-Daf'</i>)	Ilmu <i>Shar'iyah</i> Ilmu <i>Ghayr Shar'iyah</i>	<i>Fard Kifayah</i>	Kemaslahatan Dunia
Ilmu Alat		Ilmu Permulaan (<i>Muqaddimat</i>) dan Ilmu Penyempurnaan (<i>Mutammimat</i>)		

Sumber: Analisis Penulis

Dapat disimpulkan, kekeliruan dan kesalahan dalam memahami makna, hirarki dan batasan ilmu hakikatnya lahir daripada kekaburan pandangan alam yang tidak dapat membezakan antara urusan yang bersifat tetap (*al-thawabit*) dan anjal (*al-mutaghayyirat*), ilmu yang berhubung dengan diri 'aqali dengan diri *haywani*, ilmu yang bersifat kemaslahatan akhirat dan kemaslahatan dunia. Pembahagian *maqasid al-Quran* yang dikemukakan oleh Imam al-Ghazali hakikatnya adalah suatu pembahagian matlamat al-Quran yang bertepatan dengan hakikat insan dari aspek ruhani dan jasmani, mengemukakan pandangan alam yang melihat segala yang ada di alam nyata ini adalah merupakan satu penzahiran daripada hakikat sesuatu (*haqiqah al-ashya'*) yang bersifat ruhani di alam *malakut* dan hakikat tersebut adalah bersifat tetap serta menjadi dasar kepada kebahagiaan yang hakiki. Falsafah di sebalik pembahagian *maqasid al-Quran* adalah satu asas penting dalam memahami hakikat tersebut termasuk hakikat atau faham ilmu yang dibincangkan dalam penulisan ini. Di samping tuntutan untuk menuntut ilmu yang bersifat kemaslahatan dunia, terdapat tuntutan untuk menuntut ilmu yang amat penting iaitu ilmu yang bersifat kemaslahatan akhirat. Jika kefahaman terhadap ilmu yang bersifat kemaslahatan dunia boleh diperolehi melalui pengalaman pancaindera dan sesuatu yang dapat difahami oleh akal, namun kefahaman terhadap ilmu yang bersifat kemaslahatan akhirat hanya akan dikurniakan kepada mereka yang hatinya (*al-qalb*) telah dibersihkan dan mata hatinya (*'ayn basirah*) dapat melihat hakikat segala sesuatu serta menempatkan hakikat tersebut pada kedudukan dan tempatnya yang adil serta benar.

References

- al-Attas, Syed Muhammad Naquib 1978. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- _____. 1995. *Prolegomena to the Metaphysics of Islam*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Che Zarrina Sa'ari. 1999. A chronology of Abu Hamid al-Ghazali's life and writing. *Jurnal Usuluddin*. 9: 57-72.
- al-Ghazali, Abu Hamid. 2011. *Ihya' 'Ulum al-Din*. Jeddah: Dar al-Minhaj.
- _____. 2014. *al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- _____. 2015. *al-Munqidh min al-Dalal*. Beirut: Dar al-Minhaj.
- _____. 2017. *al-Arba'in fi Usul al-Din*. Beirut: Dar al-Minhaj.

- _____. 2019. *Jawahir al-Qur'an*. Jeddah: Dar al-Minhaj.
- Hourani, George F. 1984. A revised chronology of Ghazali's writing. *Journal of the American Oriental Society*. 104 (2): 289-302.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma'il bin 'Umar. 2000. *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Osman Bakar. 2006. *Classification of Knowledge in Islam*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- al-Subki, Taj al-Din Abi Nasr 'Abd al-Wahab bin 'Ali bin 'Abd al-Kafi. t. th.. *Tabaqat al-Shafi'iyyah al-Kubra*. n.l. Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Wan Suhaimi Wan Abdullah. 2019. *Khulasah Faham Ilmu: Kitab al-'Ilm Imam al-Ghazali*. Puchong: Pertubuhan Pendidikan Futuwwah.